



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 OKTOBER 2021 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

21 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

Harga kit ujian kendiri COVID-19 bawah RM10

Oleh Veena Rusli
dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga kit ujian kendiri COVID-19 dijangka turun di bawah paras RM10 seunit bulan depan, sejajar penggunaannya yang semakin meluas dan dilihat sebagai keperluan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggu-

na, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata harga baharu yang akan diumumkan dalam tempoh terdekat disifatkan munasabah, berpatutan dan mampu milik.

"Kita sudah setuju dan kajian serta perbincangan dengan pelbagai pihak berkaitan sudah dibuat.

Nasional 2

Ini bermakna kita sudah meningkatkan persaingan dan dengan adanya persaingan serta pelbagai jenama di pasaran, sudah semestinya harga akan turun dengan sendirinya



Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Ibadat&Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Dua orang saling memaki, dosanya atas orang mulai memaki, selama yang dimaki tidak membalas berlebihan." (HR Muslim)

Harga baharu kit ujian sendiri COVID-19 lebih munasabah

Dari Muka 1

"Ketika ini, kita cuma menunggu hari untuk mengumumkan harga baharu yang akan kita turunkan daripada RM19.90 pada peringkat runcit ketika ini.

"Harga bagi kit ujian sendiri air liur COVID-19 akan diturunkan ke tahap yang kami fikir lebih berpatutan, munasabah dan mampu milik," katanya dalam temu bual eksklusif bersama BH, semalam.

Pada 5 September lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga kit ujian sendiri COVID-19 pada paras RM19.90 seunit, manakala harga borong RM16.

Penetapan harga itu dibuat susulan banyak rungutan dan desakan diterima, yang menyifatkan harga bagi satu set kit ujian sendiri antara RM35 hingga RM39.90 adalah terlalu mahal.

Alexander berkata, pihaknya sudah menjalankan libat urus bersama pemalın industri, peniaga, pengimport, Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) berhubung perkara berkenaan.

Beliau berkata, ada lebih 40 pengedar dan penjual kit ujian terbabit yang berdaftar dengan MDA ketika ini, meningkat berbanding 18 sebelum ini.

"Ini bermakna kita sudah meningkatkan persaingan dan dengan adanya persaingan serta pelbagai jenama di pasaran, sudah semestinya harga akan turun dengan sendirinya.

"Saya boleh katakan ada beberapa pembekal berjumpa KPDNHEP dan mereka menyatakan


boleh menjual antara RM7 hingga RM8 seunit.

"Justeru, saya lebih selesa kalau tiba masanya tidak lama lagi, harga satu unit pada peringkat runcit diturunkan dan kita harap ia dapat serendah bawah RM10 bagi setiap unit.

"Penggunaan kit ujian sendiri itu bukan lagi pilihan, sebaliknya sudah menjadi keperluan rakyat dan kita akan sentiasa mengutamakan pengguna," katanya.



Penggunaan kit ujian sendiri sudah menjadi keperluan rakyat bagi mengelak penularan COVID-19.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM6.49	• Telur Gred A RM11.40	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM7.99
	• Daging Lembu Tempatan RM35	• Ikan Kembung RM10.99	• Bawang Besar Holland RM2.99	• Kubis Bulat Tempatan RM2.90
	• Daging Lembu Import RM15.50	• Minyak Masak RM6.50	• Bawang Putih RM6.90	• Tepung Gandum RM2.19
<small>*Warga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>				

